



ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI (duduk, kanan) menyampaikan ceramahnya sambil diperhatikan oleh Asyraf Wajdi Dusuki (tengah) dan Sheikh Afeefuddin Al Jailani di pentas utama Kompleks Sukan Tunku Najihah, USIM, Nilai, Seremban, semalam.

iCEPS10@C-FEST12 mula tarik pengunjung

SEREMBAN 14 Nov. - Orang ramai mula memenuhi ruang tapak Konvensyen Keusahawanan Islam Ke-10 (iCEPS10) dan Pesta Konvokesyen Ke-12 (C-FEST12) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai dekat sini, sebaik sahaja dibuka hari ini.

Pengarah iCEPS10@C-FEST12, Shahrul Ariff Nordin berkata, sambutan orang ramai dan warga kampus ke tapak pesta sungguh menggalakan dan menjangkakan bilangan itu akan bertambah esok sebaik sahaja Majlis Konvokesyen USIM bermula.

"Gerai jualan juga telah dibuka, acara sudah berlangsung. Orang ramai dan pelajar mula bertambah di kawasan tapak. Suasana itu akan lebih meriah esok dan Ahad dengan bilangan yang hadir termasuk ibu bapa dan keluarga graduan," katanya di USIM, Nilai dekat sini.

Katanya, kepercayaan pihak pengurusan USIM memberi peluang pelajar tahun empat Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) mengendalikan kedua-dua acara itu sesuatu yang amat dihargai.

"Peluang itu amat baik untuk memperlihatkan kaedah pengurusan, penyediaan tapak, aturan acara dan sebagainya. Itu adalah pengalaman yang tidak mungkin ada dalam bilik kuliah.

"Seramai 407 pelajar FEM terlibat dalam penganjuran itu dengan membabitkan 10 bahagian dalam FEM. Setiap bahagian menyediakan acara masing-masing," ujarnya.

Pesta yang berlangsung di tapak konvokesyen itu menyediakan pelbagai acara menarik termasuklah 'battle of nasyid', bicara siswi, Simposium Ekonomi Kebangsaan (NES), karnival ulat buku bersama-sama Boboiboy, pertunjukan motosikal, pertandingan rancangan perniagaan dan banyak lagi.

Akhbar *Utusan Malaysia* yang merupakan rakan strategik turut menyediakan pelbagai acara iaitu pertandingan mewarna, mini explorace, paintball, mini studio, karikatur, bengkel wartawan muda dan pelbagai jualan murah produk Kumpulan Utusan.

Sementara itu, malam tadi dianjurkan Malam Penghayatan Sunnah CEPS10@C-FEST12 di pentas utama Kompleks Sukan Tunku Najihah, USIM.

Menurut pengarah program tersebut, Kamil Afiq Mashruddin, konsep program itu bertepatan dengan tema iCEPS10 iaitu 'Menghidupkan Sunnah dan Pengantarabangsaan' dan telah dihadiri lebih 1,000 pengunjung, terdiri daripada pelajar dan orang ramai.

"Program itu merupakan nilai langkah untuk menerapkan nilai murni dalam kalangan pelajar serta masyarakat yang telah dipamerkan oleh Nabi Muhammad SAW sepanjang kehidupan baginda," katanya.

Tambahnya, pada majlis itu, tiga ahli panel dijemput menyampaikan ceramah dan mereka ialah Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Senator Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki; Mufti Wilayah Persekutuan, Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri dan ulama dari Iraq yang juga Pengerusi Al-Wariseen Trust, Sheikh Afeefuddin Al Jailani.



SEBAHAGIAN daripada orang ramai serta penuntut hadir mendengar ceramah Malam Penghayatan Sunnah CEPS10@C-FEST12 di pentas utama Kompleks Sukan Tunku Najihah, USIM, Nilai, Seremban, semalam.